



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN “BUKU 365 HARI MENGURUS TRANSISI MEMENUHI
HARAPAN DAN PELANCARAN PORTAL WILAYAHKU”**

**DEWAN SERBAGUNA, ARAS 1, BLOK 1
MENARA SERI WILAYAH,
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
WP PUTRAJAYA**

19 OGOS 2019 (ISNIN) / 12.00 TENGAH HARI

SALUTASI :-

1. Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Saripuddin Bin Haji Kasim

Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan;

2. Yang Berbahagia YB Tuan P. Prabakaran

Ahli Parlimen Batu;

3. Yang Berbahagia Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim

Presiden, Perbadanan Putrajaya;

4. Yang Berbahagia Dato' TPr Mohd Anuar Bin Maidin

Ketua Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa;

5. Yang Berusaha Tuan Haji Ahmad Shukri Bin Yusoff

Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Pungutan Zakat;

6. Yang Berusaha Encik Zaizalnizam Bin Zainun

Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Wilayah Persekutuan;

7. Rakan Saya, Yang Berbahagia Tan Sri Johan Jaafar

Tokoh Media Yang Dikenali Ramai;

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan Dan Agensi Serta Pegawai-Pegawai Kanan, Kementerian Wilayah Persekutuan;

Rakan-Rakan Media; Dan Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian.

Bismillahirrahmanir Rahim. Selawat dan salam atas junjungan Nabi Muhammad, ahli keluarga baginda dan para sahabatnya.

Assalamualaikum wrt wbt. Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Alhamdulillah, pertama sekali, marilah kita ucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT. Kita baru sahaja selesaikan meraikan sambutan Aidiladha baru-baru ini dan dalam bulan Zulhijjah yang mulai ini kita dapat berkumpul pada majlis yang sungguh bermakna hari ini iaitu Majlis Pelancaran Buku 365 Hari Mengurus Transisi Memenuhi Harapan dan Pelancaran Portal Berita Wilayahku.

1. Sebentar tadi kita mendengar ucapan pelancaran buku tersebut yang disampaikan oleh Datuk Seri KSU Datuk Seri Saifuddin Kassim.
2. Saya ucapkan jutaan terima kasih atas kesudian Datuk Seri KSU merasmikan pelancaran buku ini yang merupakan koleksi ucapan rasmi saya sepanjang setahun diberikan amanah menerajui Kementerian Wilayah Persekutuan, satu kementerian yang sungguh mencabar sejak 2 Julai 2018.
3. Seperti mana yang pernah saya ucapkan sempena ulang tahun pertama saya menerajui kementerian ini pada Julai lalu, iaitu *“I have never worked so hard in my life!”* Saya tidak pernah bekerja sekeras ini sepanjang hayat saya.
4. Bukan suatu perkara yang mudah menjadi Menteri apatah lagi banyak perkara perlu dibersihkan selepas mengambil alih daripada pentadbiran terdahulu.
5. Namun Alhamdulillah dengan segala sokongan dan kerjasama kesemua pegawai dan kakitangan setiap agensi di bawah kementerian, banyak perkara dapat dilaksanakan dalam memastikan dasar Wilayah Prihatin, Harapan Dipenuhi dapat dicapai.

6. Liku cabaran selama setahun itu berjaya dirakam dalam buku setebal 117 muka surat ini melibatkan pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan di peringkat kementerian dan agensi-agensi.

7. Apa lebih penting ialah dalam buku ini tentang 10 kejayaan utama yang telah dapat dicapai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melibatkan pembangunan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dalam tempoh setahun lalu.

8. Terima kasih kepada rakan-rakan di pejabat saya yang membantu memberikan idea hingga lah lahirnya buku ini.

9. Terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Komunikasi Korporat Kementerian Wilayah Persekutuan serta pasukan editorial akhbar Wilayahku yang bertungkus-lumus menjayakan penerbitan buku ini.

10. Saya difahamkan pasukan editorial Wilayahku bertungkus-lumus di saat terakhir menjelang Hari Raya Aidilfitri lalu dan memendekkan cuti raya mereka untuk membuat suntingan terakhir sebelum buku ini dicetak.

11. Bagi akhbar Wilayahku yang baru berusia lapan bulan, penerbitan buku ini merupakan produk yang boleh dibanggakan meskipun mempunyai tenaga kerja yang minimum.

12. Kita masih ingat lagi pada 4 Januari lepas, saya melancarkan akhbar Wilayahku yang diurus terbit oleh Wilayah Media Sdn. Bhd., anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan di dewan yang sama ini.

13. Diam tidak diam sekarang sudah 32 edisi akhbar Wilayahku berjaya diterbitkan setiap minggu.

14. Apa yang membanggakan, akhbar ini sudah berjaya mendapat tempat dalam kalangan masyarakat kota malah diterima baik penduduk di Wilayah Persekutuan Labuan.

15. Dengan cetakan sebanyak 50,000 naskhah setiap minggu, akhbar Wilayahku berjaya mendapat perhatian warga kota. Jumlah cetakan tersebut sebenarnya berjaya menghampiri malah mungkin lebih tinggi berbanding akhbar harian sedia ada di Wilayah Persekutuan.

16. Akhbar Wilayahku turut mendapat permintaan dari penduduk di luar Kuala Lumpur. Atas perkembangan tersebut, akhbar Wilayahku mengorak langkah menyiarkan berita melalui portal beritanya untuk merencanakan berita-berita berkaitan Wilayah Persekutuan dan menembusi pembaca melibatkan lebih 2 juta penduduk ibu kota.

17. Portal berita yang boleh dilayari di laman www.wilayahku.com.my bakal memperluaskan lagi liputan pembaca ke seluruh negara malah ke seluruh dunia.

18. Berbanding versi cetak yang hanya mempunyai 24 halaman, portal berita ini membolehkan lebih banyak ruang berita dapat disajikan seperti berita semasa, ekonomi, aktiviti komuniti dan sukan.

19. Portal Wilayahku juga menampilkan beberapa elemen baharu termasuk video dan mempunyai pautan kepada rangkaian media sosial.

20. Pengenalan portal berkenaan selaras dengan usaha menarik segmen pembaca dalam kalangan orang muda dan permintaan pembaca-pembaca dari luar kawasan Wilayah Persekutuan yang ingin mendapatkan maklumat mengenai perkembangan aktiviti masyarakat ibu kota. Portal tersebut turut membolehkan pembaca memuat turun akhbar Wilayahku versi format *PDF (portable document format)*.

21. Kepentingan mempunyai portal berita yang setanding dengan media arus perdana dan media baharu bagi sebuah kementerian seperti Kementerian Wilayah Persekutuan amat sejajar dengan perkembangan semasa.

22. Ini apabila masyarakat terdedah kepada penyebaran berita palsu atau separa benar yang ditular pihak tidak bertanggungjawab dalam media sosial.

23. Saya sendiri tidak terlepas daripada serangan tersebut apabila baru-baru ini pihak tidak bertanggungjawab menyebarkan semula video saya diserang di Parlimen pada tahun 2016. Video tersebut dikaitkan pula kononnya orang Kampung Baru menyerang saya atas isu pembangunan Kampung Baru. Sedangkan ia tiada kaitan langsung.

24. Jadi kehadiran portal Wilayahku sangat penting untuk menyiarkan berita-berita yang berkredibiliti sekali gus menangani penyebaran siaran berita palsu. Malah terdapat laporan pada masa ini yang lebih cenderung untuk mengadu-domba antara satu pihak dengan pihak yang lain.

25. Akhbar Wilayahku bukanlah bersifat tipikal sebuah buletin kerajaan, sebaliknya menampilkan imej akhbar rakyat.

26. Wilayahku diberikan kebebasan berkarya untuk menyiarkan pelbagai isu dan membantu agensi-agensi di bawah kementerian khususnya mempromosikan program-program mereka.

27. Akhbar Wilayahku merupakan saluran yang boleh dimanfaatkan oleh setiap agensi untuk menguar-uarkan sebarang usaha terbaharu agensi serta memberikan penjelasan kepada sebarang isu yang timbul.

28. Banyak juga berita-berita daripada pihak komuniti seperti Pejabat Ahli-Ahli Parlimen, Majlis Perwakilan Penduduk dan persatuan-persatuan dapat disalurkan kepada akhbar Wilayahku.

29. Saya berharap melalui portal berita ini, Wilayahku akan dapat berkembang lebih mantap pada masa akan datang. Sudah tentu lebih banyak dana diperlukan bagi mengembangkan saiz petugas akhbar ini yang pada masa ini saya difahamkan hanya beroperasi dengan tiga orang wartawan dan seorang jurugambar.

30. Justeru kita berharap pihak korporat dan agensi-agensi kerajaan dapat memberikan sokongan kepada Wilayahku agar ia dapat memberikan sumbangan yang lebih luas kepada masyarakat di luar sana.

31. Akhir kalam, dengan lafaz BISMILLAH HIRRAHMA NIRRAHIM, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Portal Berita Wilayahku. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.